

DEWAN



Budaya

دیوان به دایا

PEMARTABATAN TAMADUN BANGSA

FALSAFAH
DI SEBALIK NOSTALGIA

PERMAINAN
Tradisional

KK 800-91844-0422
ISSN 0126-8473



Dewan Budaya DBP
dewanbudayadbp
#MalaysiaHembaca

9 770126 847285

04



Bil. 04/2022 Jilid 44 • Semenanjung Malaysia: RM6.00 • Sabah/Sarawak: RM6.50 • Brunei Darussalam: B\$6.00 • Singapura: S\$6.70

Ketua Pengarah
Datuk Abang Sallehuddin Abg. Shokeran

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Haji Md. Johari Hasan

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Haji Abd. Halim Haji Harun

Pengarah Penerbitan
Haji Razali Che Mat
(razali3@dbp.gov.my)

Ketua Editor
Dr. Rosmani Omar
(ros_omar@dbp.gov.my)

Timbalan Ketua Editor
Aninah Janang
(aninah@dbp.gov.my)

Editor
Muhammad Lutfi Zahid
(lutfi@dbp.gov.my)

Penolong Editor
Syaza Wardina Abd Khalik
(syaza@dbp.gov.my)

Pentadbiran
Nor Fazliatul Akmar Che Rani, Siti Hazlinda
Mohd Zulkifli, Zaidi Mohd. Salleh, Wan Mohd
Safuan Wan Ahmad@Wan Hassan, Mohamed
Radzuan Mohamed Noor

Reka Bentuk Kulit dan Reka Letak Halaman
Attin Press Sdn. Bhd.

Pencetak
Attin Press Sdn. Bhd.
No. 8, Jalan Perindustrian PP4,
Taman Perindustrian Putra Permai,
Bandar Putra Permai,
43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan.

Urusan Langganan
Bahagian Pemasaran dan Pengedaran,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka,
Lot 1037, Jalan AU3/1,
54200 Ampang/Hulu Kelang, Selangor.

Tel.: 03 - 4101 0033
Faks: 03 - 4101 2019
E-mel: pp@dbp.gov.my

KANDUNGAN

Jilid 44 • Bil. 04/2022 • KK 800-91844-0422 • ISSN 0126-8473

INTI PATI

Memori yang Tiada Galang Ganti

1

PERDANA

Falsafah di Sebalik Nostalgia

Permainan Tradisional

- Muhammad Helmi Ibrahim

4

WARISAN

Rebana Ubi Identiti Seni Kelantan

- Muhammad Safwan Subaidin

10

BELASUNGKAWA

... Dan Tirai Bangsawan pun Berlabuh

- Zakaria Ariffin

14

ISTILAH SEMASA

PEMIKIRAN

Antara Demokrasi dengan Demokrasi Liberal

- Makmor Tumin

19

20

TRADISI

Penlon dalam Masyarakat Kensiu

- Siti Nor Awang, Zurina Mohd Radzi, Baharuddin
Abd Rahman, Zaidi Azrai

24

ANJUNG VISUAL

**Zaimie Sahibil: Berlantaikan Nibung,
Berdindingkan Kajang, Beratapkan Nipah**

- Morne Hashim

28

STANZA BICARA

**Syair Kisah Parameswara dan Pembukaan
Negeri Melaka**

- Mohd Kasim Mahmud

32

Johor Damba Bertandang

- Radhiah Abdul Hamid



CERITERA BULANINI

Bas Mini 17

- Velu Perumal

SUSUR BUDAYA

Menyusuri Budaya Hidangan Kopi

- Zulkifli Salleh

GALERI

Mengungkap Nilai dan Kuasa Emas

- Syaza Wardina Abd Khalik

BILAH MAHAWANGSA

Ilmu Perasap Keris

- Tengku Nara Paduka

JEJAK PERADABAN MELAYU

Semuanya Bermula di Negeri Melaka

- Abdul Latiff Abu Bakar

LAYAR

Adaptasi Mitos Masyarakat Ireland

- Atiqah Abd Rahim

Putaran Roda Kehidupan

- Hady Abd Hamid

SANA SINI

34

40

46

50

54


60

64



Cerita di
Tak Saja

BAS MINI 17



"ANAK KE BERAPA?"
"BONGSU." JAWAPAN
THIRAN HANYA
SEKADAR MENJAWAB
SOALAN. DIA TIDAK
MENGERTI TUJUAN SOALAN
PENGURUS RESTORAN
CFC MELAWATI. MAKA
BAGINYA KESAHIHAN
JAWAPAN TIDAK PENTING.
"KAMU PERLU CUKUR
MISAI, BOLEHKAH?"
"KAMI BAYAR PUN
TIDAK BANYAK, HANYA
SATU RINGGIT DAN 20 SEN
SAHAJA SEJAM," JELAS
PENGURUS TENTANG
MAKLUMAT KERJA DAN
PEMBAYARAN.
"TAKKAN KAMU NAK
CUKUR MISAI UNTUK
BEBERAPA RINGGIT
SAHAJA?" PERTANYAAN
PENGURUS CFC SAMBUNG
LAGI. THIRAN TERPEGUN
MENDENGAR KATA-KATA
PEGAWAI WANITA MIRIP
KETURUNAN CINA ITU.
"KAMU TAHU BUKAN
MENGAPAKAH ANAK
BONGSU CUKUR MISAI?"
SAMBUNG PENGURUS ITU.

Thiran menganggukkan keadaan, tanda memahami alasan cukur misai oleh anak bongsu dalam sesebuah keluarga keturunan India. Tanpa melengahkan masa lagi, Thiran beredara sambil mengucapkan terima kasih kepada pengurus restoran tersebut. Kata-kata pengurus masih bergema di gegendang telinga Thiran; seorang insan yang jauh merantau kerana dahagakan ilmu demi mengubah nasib diri dan keluarga. Thiran masih risau dengan kata-kata pengurus tadi. Mengikut budaya keturunan India, upacara cukur misai dan rambut dilakukan sebagai tanda menunaikan nazar atau tanda kesedihan lantaran kematian seseorang yang tersayang.

Pada kebiasaannya, anak bongsu mencukur selepas kematian bapa manakala anak sulung atas kematian ibu, dan anak tunggal seperti Thiran, perlu bercukur untuk kedua-dua ibu bapanya.

"Apa-apa cabaran pun dilalui, aku tetap tidak akan pulang ke estet selagi belum merangkul sehelai diploma."

"Aku sungguh yakin bahawa hanya ilmu cara terbaik untuk mengubah nasib dan hidup seseorang miskin seperti aku," kaki Thiran melangkah sambil melayan bisikan bibir. Thiran berjalan menuju ke arah Institut Seni Lukis.

"Bagusnya pengurus restoran tadi. Pengurus restoran itu lambang keakraban rakyat Malaysia. Memahami budaya masyarakat lain di samping budayanya sendiri demi kesejahteraan negara tercinta," fikir Thiran.

Walaupun Thiran seorang yang kuat semangat jati diri tetapi ada juga kalanya semangat itu lebur lantaran beberapa insiden kehampaan. Kata-kata pengurus itu membuat Thiran risau dan terlebur kerinduan mengingatkan ibu bapanya. Pemandangan Thiran tiba-tiba menjadi kabur. Kelopak bawah mata Thiran tidak cukup tebal untuk menadah takungan air. Kelopak atas pula tidak tahan rindu sentuhan kawannya di bawah.

Tiba-tiba pertemuan kedua-dua kelopak melimpahkan air berlinangan. Ianya bukan sahaja hasil pertemuan kelopak mata dan rindu ibu bapa tetapi juga tanda kehampaan hati; hasil tidak ketemu jawatan sambilan untuk mengisi perut dan membayar pengajian. Kaki Thiran terus melangkah ke arah Institut Seni Lukis – institusi pengajian yang baru pagi tadi Thiran daftarkan diri. Menjadi pelajar pengajian reka bentuk perindustrian untuk tiga tahun akan datang.

Duit pendaftaran berjumlah 2000 ringgit yang dibayar pagi tadi bukan daripada orang tuanya. Ianya dari hasil titisan keringat sendiri. Hasil keringat satu tahun bekerja di kilang perabot. Semuanya habis. Habis dalam sekilip mata untuk pendaftaran pengajian. Bukan ibu bapanya tidak sudi bayar pengajian anak kesayangan mereka, tetapi dengan pendapatan isi rumah bulanan antara 120 hingga 150 ringgit, payah bagi ibu bapanya menampung kos pengajian reka bentuk Thiran.

Thiran telah sampai di bangunan Institut Seni Lukis. Dinding-dinding dipenuhi dengan lukisan. Ada yang berwarna-warni, ada yang hitam putih; ada lukisan yang sampai setakat lakaran. Ibarat hidup. Hidup seseorang terletak pada usahanya sendiri dengan keberkatan dan restu-Nya. Pada dasarnya, kemampuan manusia adalah sama. Yang menyebabkan cantik, bahagia, maju atau sengsara terletak pada cara dan corak hidup yang dilakar dan dibentuk oleh dirinya sendiri. Sama seperti sebuah lukisan cantik yang berhasil pada kanvas jalanan benang yang tidak berwarna.

Sama juga seperti lukisan yang gagal dan tidak terjadi seperti yang diilhamkan lalu dibuang menjadi sampah.

Langkah kaki Thiran menjadi perlahan. Diam-diam Thiran masuk ke dalam dewan suai kenal pelajar baharu melalui pintu belakang. Badannya telah duduk tetapi hati dan pemikiran masih melayang kerisauan. Kerisauan tentang bagaimana hendak bertahan untuk tiga tahun tanpa sebarang pendapatan.

"Bolehkah dapat pekerjaan?"

"Mesti sukar tetapi tidak mustahil."

"Saya tetap akan berusaha sampai dapat."

Soalan dan jawapan berpusupusu dalam pemikiran Thiran.

"Aku bertanggungjawab kepada soalan dan aku juga bertanggungjawab untuk segala jawapan. Tiada orang lain yang boleh mewakili aku," Thiran kuatkan semula keyakinan dirinya.

"Aku mesti menghabiskan pengajian. Aku hanya akan pulang ke estet aku selepas berjaya dapat diploma." Perjanjian demi perjanjian yang dilakukan antara jasad dengan minda menguatkan lagi tekad Thiran untuk bersungguh-sungguh dalam pengajiannya.

"Design studies only for rich people. If you think that you could not afford it, it is better for you to go back home," kata-kata yang tajam dan panas daripada taklimat seorang pensyarah mengejutkan Thiran daripada pengelamunan. Kata-kata itu dirasai bagaikan memanaskan kerusi Thiran.

"Tidak baik aku duduk di sini lagi, pekerjaan tidak akan datang mencari aku," fikir Thiran.

Thiran terus keluar dari dewan dan sambung mencari pekerjaan.

Pencarian disambung lagi. Setiap bangunan diketuk untuk mencuba nasib. Restoran, kedai runcit, kedai buku, kedai dobi, klinik dan banyak lagi premis diketuk dan ditanya kalau-kalau ada peluang pekerjaan. Apa-apa sahaja kerja dia sanggup buat.

"Kedudukan aku belum berada pada pihak memilih. Aku terpaksa buat apa-apa sahaja pekerjaan asalkan dapat wang. Kalau bukan kerja jahat, sudah memadai, demi memenangkan kesucian yang terdapat dalam cita-cita," fikir Thiran.

Kaki yang melangkah jauh mencari pekerjaan sambilan reda di Percetakan Galaxy Sendirian Berhad. Selepas rayuan demi rayuan membuatkan pengurus percetakan itu setuju memberi jawatan sambilan kepada Thiran. Jawatan pengatur susun muka surat majalah bulanan kanak-kanak.


"Baik, setiap hari Sabtu kamu datang dan bawa pulang bahan tercetak. Pada hari Sabtu seterusnya, pulangkan muka surat yang telah siap dan dapatkan semula bahan baharu untuk disiapkan pada minggu seterusnya," pengurus percetakan menjelaskan maklumat tugas kepada Thiran.

"Baik tuan, boleh tuan," jawab Thiran.

"Upah 400 ringgit sebulan. Upah itu akan dibayar untuk setiap bulan selepas siap susun atur majalah berkenaan," pengurus sambung lagi.

"Baik tuan, saya faham," jawab Thiran

Thiran terus mendapatkan bahan atau maklumat tercetak untuk kerja-kerja susun atur. Kertas muka surat susun atur, gam, pisau, marker, kertas-kertas corak juga dibekalkan oleh pengurusan percetakan itu. Dari hari itu, Thiran mula menyiapkan reka bentuk




dan susun atur muka surat majalah bulanan kanak-kanak. Bukan mudah membuat susun atur tersebut secara manual. Paling kurang akan memakan 21 malam.

"Kamu tidak ada pilihan. Dengan apa-apa cara pun perlu membahagikan masa untuk bekerja. Walau bagaimanapun, tumpuan utama perlu diberi kepada pengajian diploma," Thiran menjelaskan kepada dirinya, seolah-olah menjelaskan kepada orang lain.

Thiran meminta diri, lalu pulang ke institut pengajian. Dalam perjalanan dia merangka belanjawan bulanan dalam minda. Belanjawan dengan jumlah pendapatan sebanyak 400 ringgit dalam mindanya. Dia membuat keputusan untuk menggunakan 140 ringgit bagi makanan. Tambang bas 44 ringgit. Simpanan untuk yuran semester seterusnya 160 ringgit, dan baki 56 ringgit diperuntukkan bagi pembelian peralatan reka bentuk.

"Saya sangat gembira, saya sangat gembira mak. Saya sudah dapat kerja pa. Saya sangat gembira," Thiran meloncat kegembiraan.

"Hei duduk betul-betullah." Teriakan itu mengejutkan Thiran.



Thiran tidak kisah siapa penumpang di sebelah yang bersama-sama mengikutinya sepanjang perjalanan atau mengikutinya sehingga separuh jalan. Seolah-olah mindanya tiada ruang untuk memikirkan berkenaan orang lain.

Dia sedar bahawa teriakan itu bukan datangnya secara solo, tetapi pasti datang bersama-sama tumbukan sisi. Tulang rusuk bahagian sisi kirinya terasa sakit. Thiran menahan kesakitannya dan membetulkan posisi tidur. Thiran sudah terjaga tetapi tetap berbuat tidur. Matanya terus dipejamkan. Teriakan dengan tumbukan sisi bukan janggal untuk Thiran.

Kadang-kadang tumbukan itu datang secara solo. Kadang-kadang datang secara berkembar hasil luahan perasaan penumpang lain. Thiran selalu dianggap pesalah kerana mengganggu penumpang lain di dalam bas.

“Pada dasarnya, tidak ada yang betul atau salah, hanya tafsiran individu semata-mata. Mungkin orang yang marah dan tumbuk tadi akan memberi bahu untuk saya sandar jika kami berkenalan. Pada saat itu, sandaran saya akan diterima dengan hati yang terbuka. Kemarahan digantikan dengan kemesraan dan kebencian digantikan dengan kesayangan,” fikiran Thiran terus melayang.

Apa-apa pun berlaku Thiran terus memejam mata. Bagi penumpang

lain, Thiran masih tidur. Thiran terus memejam mata sambil membetulkan posisi duduknya. Bagi mereka muda itu, dia hanya akan terasa malu apabila membuka mata dan melihat penumpang lain.

Perasaan malu atau cemburu ialah hasil perbandingan diri dengan orang lain. Malah perbandingan pencapaian diri sendiri; antara semalam dengan hari ini akan membawa ketenteraman diri. Kata-kata ayahnya selalu dijadikan pedoman. Maka dalam perjalanan pergi-balik antara Kompleks Sukan Astaka, Petaling Jaya, Asia Jaya dengan Institut Seni Lukis, Thiran sentiasa memejamkan mata sama ada tidur atau tidak. Setiap orang dalam perjalanan dan persinggahan sementara di muka bumi ini dilengkarkan dengan perwatakan tersendiri, maka tidak guna untuk marah atau cemburu.

Keadaan mata tertutup memberikan ruang untuk Thiran melihat dan memahami dirinya secara mendalam. Bagi Thiran, apabila seseorang itu memahami diri sendiri secara mendalam, maka dia tidak akan mudah cemburu dengan pencapaian orang lain malah gembira dengannya.

Thiran sedang dalam perjalanan dari Kompleks Sukan Astaka, Petaling Jaya, ke Melawati. Bas Mini bernombor 17 ialah kamar tidur berposisi duduk bagi Thiran. Tempoh tidurnya pula bukan lagi di tangan Thiran. Hal ini terpulang kepada secepat mana dia dapat kerusi untuk duduk, kelancaran dan kesesakan jalan, kepentasan pemandu sampai ke destinasi dan kesabaran penumpang sebelah membenarkan Thiran tumpang bahunya untuk lena sementara. Selalunya perjalanan Thiran menjadi lambang kehidupan kebanyakan

insan di muka bumi ini. Tidak kenal siapa jiran. Tidak kenal siapa kawan.

Dalam perjalanan setiap hari, Thiran tidak tahu atau tidak sempat melihat muka penumpang yang duduk di sebelahnya. Yang penting bagi Thiran, dia dapat tempat duduk di bas nombor 17 yang dianggap sebagai bilik tidurnya. Inilah waktu Thiran tidur, waktu untuk mengemas kini minda sebagai pekerja yang berlari mengejar tugas dan tanggungjawab.

Thiran akur, larian seorang pelajar mengejar cita-cita lebih berat berbanding dengan seorang pekerja. Seorang pelajar yang bercita-cita tinggi harus mengorak langkah lebih pantas daripada larian seorang pekerja. Oleh sebab itu, Thiran tidak kisah siapa penumpang di sebelah yang bersama-sama mengikutinya sepanjang perjalanan atau mengikutinya sehingga separuh jalan. Seolah-olah mindanya tiada ruang untuk memikirkan berkenaan orang lain.

“Sepasang kaki yang mara mengatur langkah mengejar cita-cita yang tinggi tidak bisa bakal didekati oleh kaki-kaki yang hanya melangkah atas dasar kehendak tugas,” Thiran sentiasa mengingati kata-kata Cikgu Sarbini dalam mengukur kedudukan dan pencapaian semasa.

“Adakan anda berada di posisi menjalankan tugas semata-mata?”

“Atau anda di posisi mengejar cita-cita?” Pertanyaan dan kata-kata Cikgu Sarbini selalu menjadi sumber inspirasi dan motivasi Thiran.

Bagi Cikgu Sarbini, jika lau kaki yang lari atas dasar tugas mendekati dan merangkul cita-cita itulah suatu tanda, cita-cita itu akan

terkulai nilai dan harapan. Kaki-kaki yang mengejar cita-cita perlu sentiasa jauh di hadapan berbanding dengan kaki-kaki yang lari dan mengejar menunaikan tugasannya. Bagi Thiran, pensyarahnya juga dianggap sebagai insan yang mengejar mandat tugasannya dan bukan cita-cita. Maka Thiran sentiasa mengukir langkah yang lebih tersusun dan pantas berbanding permintaan dan harapan pensyarahnya. Setiap tugasannya disiapkan dengan rapi dan memenangi pujian pensyarah-pensyarahnya.

Bagi memastikan tugasannya sentiasa dikagumi, Thiran bukan sahaja mengorbankan tidur tetapi juga makanan yang sempurna. Peralatan reka bentuk agak mahal. Wang perbelanjaan peralatan tidak seberapa banyak. Maka makanannya selalu jadi mangsa dalam usaha membeli peralatan kelengkapan reka bentuk.

Roti potong menjadi pengalas perut tetap sepanjang tiga tahun pengajian diploma. Peruntukan diri untuk makanan harian ialah empat ringgit setengah. Namun begitu, Thiran selalu berjaya menjimatkan 70 sen hingga seringgit setiap hari yang digunakan untuk pembelian kelengkapan reka bentuk. Thiran rasa bertuah kerana kenalan estetnya menjadi penjaga Kompleks Sukan Astaka, Petaling Jaya. Thiran tumpang tinggal bersamanya. Tidak perlu membayar sewa tempat tinggal. Pendapatannya juga tidak cukup untuk menyewa bilik.

Jikalau teringin sangat untuk makan nasi, Thiran berjalan ke Warung Tapah yang terletak lebih kurang 600 meter dari Kompleks Sukan tempat tinggalnya. Pada waktu siang, warung bawah pokok besar itu begitu indah pemandangannya. Mengikut kiraan lilitan pepohon itu, mungkin

usianya lebih seratus tahun. Pokok itu merelakan dirinya menjadi tempat tinggal ratusan burung pada waktu malam.

Bagi Thiran, antara 10.30 hingga 10.45 malam ialah waktu paling tepat untuk berada di warung itu. Perniagaan warung itu berakhir pukul 11.00 malam setiap hari. Mamak warung itu memahami niat Thiran selalu menjadi pelanggan terakhir warung yang terletak bersebelahan pokok besar itu.

Setibanya Thiran, pekerja mamak itu biasanya berkata dengan nada yang tinggi, "Allay, namma aalu vanthachi, kavani," (Allay, saudara kita dah sampai... layani).

Allay merupakan pembantu warung tersebut. Seorang Muslim, ramah dan setia kepada majikannya. Allay berasal daripada keluarga nelayan, daerah Nagapathinam, Tamil Nadu, India. Sentiasa menjaga hati pelanggan dan menghormati makanan dengan sebaiknya. Kesempitan hidup dan kesengsaraan keluarganya yang memaksa beliau merantau mencari rezeki pada usia muda.

Keramahannya terserlah apabila dia selalu berkata, "Nasib baik kamu sudah sampai. Jikalau lewat sedikit, saya sudah cuci semua," tutur Allay dalam bahasa Melayu yang berbau loghat Tamil negara India. Tidak pernah dia gunakan perkataan "buang" menggantikan perkataan "cuci".

Thiran tidak kisah tentang perkataan atau maksud di sebalik sesuatu perkataan. Tidak pernah terguris hati dengan apa-apa perkataan sekalipun. Bagi dia, nilai cita-citanya lebih tinggi daripada perkataan. Dia tidak sama sekali mengambil perkataan atau maksud yang dia tidak perlukan. Bagi Thiran, perkataan yang tidak

membantu cita-citanya bukan dia yang punya. Perkataan yang tidak membantu pembentukan keperibadiannya bukan dia yang punya. Thiran tidak suka menerima apa-apa pemberian yang pada dasarnya bukan dia yang punya.

Setiap kali Thiran sampai ke warung itu, Thiran menyentuh batang pohon besar yang menembusi atap warung dari tepi. Thiran selalu menyentuh, merenung dan membayangkan dirinya bagaikan pepohon besar itu. Berkembang dari dalam dan tumbuh meninggi menuju awan. Pokok-pokok yang Thiran jumpa mengajarnya supaya sentiasa bertabah, berfikiran positif, berbesar hati dan maju ke hadapan untuk meningkatkan hidup keluarganya.

"Wahai kawanku, jutaan daun dan bunga telah gugur bercerai melepas kamu, pernahkah kamu berasa sedih? Ribuan bunga yang mencantikkan kamu, gugur untuk selamanya menjadi tanah, tidakkah kamu berasa sedih?" Pelbagai soalan diajukan kepada pepohon tua itu bersama-sama rabaan mesra.

"Tidak, sebab setiap gugurnya daun akan menjadi baja dan memberi tenaga untuk terus hidup perkasa, seterusnya menjadi teduhan kepada seribu hidupan." Thiran merasakan seolah-olah pepohon itu berbisik menjawab soalannya. Bisikan itu kembali memperkasakan semangat Thiran untuk terus mengejar cita-cita.

"Tambi, va" (Adik mari ke sini). Ajakan Mamak ke kaunter pembayaran menandakan bahan makanan yang tertinggal dan masih dalam keadaan yang baik telah dibungkus untuk dibawa balik ke tempat tinggal.

"Evalo annan?" (Berapa bang?)

"Rendu velli," (Dua ringgit) jawab Mamak kepada soalan Thiran.

Thiran mencapai bungkus makan itu dan mula berjalan. Hatinya masih terikat dengan sentuhan pokok besar itu. Sungguh berat rasanya.

"Ampunkan saya burung-burung gagak yang tinggal di pepohon ini. Maafkan saya kucing-kucing comel. Ampunkan saya anjing-anjing berkeliaran. Maafkan saya tikus-tikus yang menunggu lampu warung itu ditutup untuk mencari alas perut," bisik hatinya.

"Sisa-sisa yang kamu tunggu seharian telah saya rangkul separuhnya. Maafkan saya hari ini kerana berjaya dalam persaingan kita."

Langkah demi langkah menjauhkan Thiran dari warung pokok besar tadi, tetapi hati Thiran masih mendakap kuat pepohon itu. Pemikiran Thiran diselubungi oleh hidupan-hidupan yang mengharapkan makanan yang dibuang oleh Mamak. Bagi Thiran, makanan hanya untuk membolehkan nyawanya masih teringat badannya. Supaya nyawanya tidak terpisah dari badannya. Supaya mampu terus mengorak langkah menuju citacitanya. Tidak lain daripada itu. Mungkin juga keadaannya sama dengan burung-burung yang bertumpang di pepohon kayu itu.

Mungkin tiada bezanya dengan anjing-anjing yang berkeliaran di kawasan warung itu. Mungkin juga sama dengan kucing-kucing di warung itu.

Enjin bas telah dimatikan. Tanda bas telah sampai perhentian Melawati Dalam. Terkejut Thiran membuka mata. Aduh! Terlepas perhentian yang sepatutnya turun. Thiran lari menuju dewan konvokesyen Kelab Melawati. Ada pegawai pendaftar menyebut nama Thiran.

"Thiran sudah sampai. Thiran sudah sampai".

Thiran bertambah risau apabila terdengar dua tiga pegawai menyebut namanya. Thiran dibawa oleh urus setia konvokesyen ke tempat duduknya. Thiran berasa puas dan gembira kerana berjaya membawa diri sampai ke dewan itu. Dia tidak risau dengan kelewatan sampai ke dewan konvokesyen kerana tertidur atau bermimpi. Mimpi itu sementara. Tidak akan ke mana-mana. Tetapi dia gembira kerana impian dan mimpi yang datang sewaktu dia terjaga yang menyebabkan dia sempat sampai ke dewan konvokesyen tepat pada tahun ketiga. Tiga tahun pengajian yang penuh cabaran.

Selepas duduk, perlahan-lahan Thiran memerhatikan di sekelilingnya. Didapati semua pelajar bersama ibu bapa dan sanak saudara dengan muka yang riang, berbaju baharu dan memegang jambangan bunga yang indah. Thiran tumpang bergembira dengan keriangan dan senyuman mereka. Jauh dalam hati, Thiran dapat merasakan bara keperitan.

Lumrah manusia merindukan orang tua dan orang tersayang pada saat begini. Thiran berasa keseorangan. Tidak ada orang bersamanya untuk meraikan hari istimewa ini.

"Alangkan indahnya kalau ibu bapa saya pun di sini sekarang," Thiran berbisik bersendirian.

Fikirannya terbang membayangkan di mana ibu bapanya pada ketika itu.

"Di manakah mereka toreh getah pada saat ini?" Bayangan dan bisikan Thiran dicelah oleh panggilan namanya untuk berbaris naik pentas menerima gulungan kertas diploma. Giliran Thiran kini tiba. Thiran kembali ke tempat duduk. Meraba-raba gulungan itu sambil

memerhatikan kesibukan pentas konvokesyen. Gulungan kertas yang lebih kurang kelebaran A3. Kepanjangannya merahsiakan diri dalam gulungan dan ikatan reben.

Thiran dikejutkan sekali lagi dengan panggilan namanya supaya naik ke pentas. Thiran lari ke pentas. Terdengar juga kata-kata, "The best student and Gold medelist of the year, Thiran Santha."

Sebelum sempat memahami kata-kata itu, kalungan loket emas bertali merah telah disematkan di leher Thiran. Berpuluhan-puluhan lampu kamera menyelubungi Thiran. Linangan air mata pada saat itu berbeza maksudnya berbanding deraian air mata pada hari pertama kerana tiada pekerjaan. Pada saat ini, dia menangis kerana ibu bapanya tidak bersama.

Thiran turun dari pentas selepas sesi bergambar. Kalungan emas lebih menambahkan kegembiraan Thiran.

"Ibu saya pasti gembira melihat emas ini. Ibu saya tidak faham sangat tentang diploma, tidak faham sangat tentang bidang reka bentuk perindustrian, tetapi ibu saya pasti dapat mengagak ketinggian nilai diploma berserta anugerah emas tulen 916."

Ibu Thiran sangat akur dengan kepercayaan budaya keturunan India yang percayakan bahawa setiap wanita perlu mempunyai sekurang-kurangnya sebutir emas, tetapi keperitan hidup keluarga tidak langsung memberi peluang untuknya mempunyai emas. Emas yang dihadiahkan oleh atuk neneknya kepada ibu telah luput kerana gagal ditebus daripada gadaian.

"Ibu pasti gembira. Ayah pasti gembira. Pasti ibu bapa aku gembira. Aku berjaya membuktikan kepada mereka bahawa aku mampu berdikari," Thiran pulang dengan bisikan dalam hati. [DB]